



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

30 Oktober 2015 / 17 Muharram 1437

Memupuk Rasa Cinta Kepada Nabi: Pengajaran Disebalik

Kisah Sawad Ibn Ghaziyah r.a.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنَّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظَّلَامِ، اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عَلَانِيَتَكُمْ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah bersama kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita meraih keimanan yang kukuh, dan dikurniakan cinta yang hakiki kepada Allah s.w.t. dan RasulNya s.a.w.

Saudaraku,

Sepanjang bulan ini kita telah menghayati kehidupan beberapa para sahabat r.a. serta berusaha untuk mengambil teladan dan iktibar dari kisah kehidupan mereka. Hari ini, saya akan mengetengahkan satu lagi kisah sahabat Nabi s.a.w yang baik untuk kita amati. Walaupun namanya jarang di dengari, akan tetapi kita sering mendengar kisah kasihnya beliau kepada Rasulullah s.a.w. diulang-ulang. Beliau adalah Sawad ibn Ghaziyah Al-Ansari.

Kisahnyanya berlaku ketika Baginda s.a.w. sedang meluruskan barisan para Sahabat, baginda menggunakan anak panah sebagai alat untuk merapikan barisan. Ketika melewati Sawad ibn Ghaziyah, Rasulullah s.a.w. mendapati bahawa Sawad ini berdiri tidak sebaris dengan barisan. Maka baginda memukulnya dengan kayu anak panah agar beliau masuk ke dalam barisan. Baginda bersabda, *“Luruskan barisanmu, hai Sawad ibn Ghaziyah!”* Sawad lalu berkata, *“Wahai Rasulullah, engkau telah menyakitiku, padahal Allah s.w.t. mengutusmu membawa kebenaran.”* Nabi s.a.w. langsung membuka pakaiannya yang menutupi perutnya agar Sawad membalas pukulan tadi. Namun tiba-tiba Sawad memeluk dan mencium perut Rasulullah s.a.w. Maka Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya: *“Mengapa engkau lakukan itu?”* Sawad menjawab, *“Ya Rasulullah, peperangan sudah berada di depan mata. Tidak ada jaminan bahawa aku akan selamat. Aku ingin di akhir hidupku ini, yang terakhir menyentuh kulitku adalah kulitmu.”*

Maka Rasulullah s.a.w mendoakan kebaikan untuknya. [Sirah Ibn Hisham]

Saudaraku,

Kisah ini menggambarkan bagaimana sayangnya para Sahabat Nabi s.a.w. kepada Baginda. Keterikatan mereka kepada Baginda Nabi s.a.w. merupakan ikatan kerohanian yang kukuh. Cinta mereka kepada Baginda lah yang telah menjadikan mereka orang-orang yang cekal menghadapi sebarang rintangan dalam perjalanan kehidupan mereka. Kasih mereka kepada utusan Allah inilah yang selalu memberi mereka semangat agar dekat kepada Allah s.w.t. Tidak seperti sebahagian orang yang hanya akan kembali kepada Allah tatkala diuji dan apabila dikeluarkannya dari musibah atau kesusahan tersebut, dia kembali leka dan alpa. Firman Allah s.w.t dalam surah Yunus ayat 12:

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنبِهِ أَوْ قَاعِدًا أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا
كَشَفْنَا عَنْهُ غُضْرَهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَى ضُرِّ مَسَّهُ كَذَلِكَ زُيِّرَ
لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢﴾

Yang bermaksud: *“Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah ia kepada Kami (dalam segala keadaan), sama ada ia sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri; dan tatkala Kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, ia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon hapuskan sebarang*

kesusahan yang menyimpannya (sebagaimana ia memandang eloknya bawaan itu) demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang yang melampau apa yang mereka lakukan.”

Saudaraku,

Mencintai Rasulullah s.a.w. merupakan kesempurnaan keimanan seseorang. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan Imam Bukhari dan Muslim, baginda s.a.w. bersabda: *“Tidak sempurna iman salah seorang di antara kalian, sehingga dia menjadikan aku lebih dicintai melebihi kecintaannya kepada anaknya, ayahnya dan seluruh manusia”*.

Namun, cinta ini menuntut daripada kita komitmen yang jujur dan ikhlas. Terdapat orang di kalangan kita yang pada zahirnya kelihatan seperti mencintai Rasulullah s.a.w. Mereka memakai pakaian jubah lengkap, mereka melaungkan slogan untuk berselawat dan menampal poster cinta kepada Nabi. Ada juga yang berkobar-kobar menzahirkan mereka ini menjalankan hidup yang dekat dengan sunnah dan jauh dari bid'ah. Solat, puasa dan ibadah mereka mencerminkan mereka seolah-olah orang yang kuat beragama.

Namun malangnya, pada masa yang sama akhlak mereka tidak mencerminkan demikian. Mereka suka mencari kesalahan dan merendah-rendahkan orang. Hubungan mereka dengan ahli keluarga tidak baik, saling bergaduh contohnya. Mereka bersikap kasar dan menyusahkan teman-teman di kerja.

Sebagai jiran pula tidak terasa kemesraan dan kebaikan mereka. Ini merupakan gejala yang telah diberi amaran oleh Nabi s.a.w. di dalam hadithnya: *“Suatu kaum dari umatku akan keluar membaca Al-Quran, mereka mengira bacaan Al-Quran itu menolong dirinya padahal justeru membahayakan dirinya. Solat mereka tidak sampai kecuali pada kerongkongan mereka.”* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Hadith ini menggambarkan gejala timbulnya orang yang nampaknya semakin beragama atau dia merasakan dia lebih beragama dan wara'. Namun malangnya keberagamaan dia itu hanya dijadikan syaitan sebagai alat menipunya. Syaitan menjadikan dia orang yang tanpa disedari merasa sombong bahawa dia sekarang sudah lebih beragama, merasa bangga diri bahawa dia lebih baik daripada orang lain. Perasaan ini yang kemudian akan menyebabkan seseorang itu pada zahirnya terikat dan kasih kepada Nabi s.a.w. tetapi ternyata dia tidak mengambil aspek terikat dengan sunnah dalaman Nabi s.a.w. iaitu keikhlasan beragama untuk Allah semata-mata dan bukan untuk menunjuk-nunjuk.

Akibat daripada ini, beliau nampak lebih mengamalkan ritual agama tetapi ritual itu tidak menjadikan beliau seorang insan yang lebih baik akhlaknya, lebih indah pekertinya sesuai dengan sunnah Nabi s.a.w. Berhati-hatilah daripada terjebak dalam gejala dan helah syaitan ini. Ia boleh melanda sesiapa

sahaja tidak kira apa jua kecenderungan dan orientasi keagamaan mahupun jamaah kita.

Saudaraku,

Berusahalah terus memurnikan jiwa dan hati dengan niat ikhlas beragama dan menuruti sunnah Rasulullah s.a.w. untuk Allah s.w.t. Sheikh Nurudin Al-'Iteir, seorang ulama hadith, menyatakan bahawa terdapat beberapa cara untuk seseorang itu memupuk rasa cinta kepada Baginda s.a.w.:

Yang Pertama: Dengan melakukan segala perintah baginda s.a.w. dan menjauhi larangannya dengan ikhlas untuk Allah.

Kedua: Dengan memperbanyakkan membaca sirah dan hadithnya.

Ketiga: Memperbanyakkan berselawat ke atas Baginda.

Keempat: Sering berdoa kepada Allah s.w.t. agar dapat melihat Baginda s.a.w., sekiranya bukan di dunia ini melalui mimpi, mudah-mudahan di akhirat nanti.

Saudaraku,

Setentunya cinta Saidina Sawad ibn Ghaziyah kepada Rasulullah s.a.w. merupakan cinta yang benar dan lahir dari iman dan takwanya kepada Allah. Cinta yang sedemikian, kurniaan Allah s.w.t. Dan tidak mustahil Allah s.w.t.

mengurniakan kepada kita rasa cinta yang sedemikian kepada Rasulullah s.a.w. Ia memerlukan kepada usaha, ia memerlukan kepada pengorbanan.

Semoga kita menjadi ummah Nabi s.a.w. yang senantiasa mencintai Rasulullah s.a.w. dengan mengikuti perintah dan jejak langkahnya, dan semoga kita dikurniakan Syafaatnya di Hari Akhirat nanti agar kita meraih setinggi-tinggi kejayaan di sisi Allah s.w.t. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.